



**NOTIS SEBUT HARGA  
PERBADANAN PUTRAJAYA**

**(No. Sebut Harga : PPj/JL/SH(S)/0001/2025)**

**Tajuk Sebut Harga :**

**MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENYUSUN DAN MENYELENGGARA PELBAGAI JENIS TANAMAN  
SEMPENA PENGANJURAN BORNEO FLORA FESTIVAL (BFF) 2025 DI TAMAN AWAM TANJUNG  
PURUN, WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN**

1. Sebut harga adalah dipelawa kepada **Syarikat Tempatan** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)** dan beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, Selangor, Sabah dan Sarawak** sahaja dan berdaftar di bawah **Kod Bidang 222104 - PERTANIAN/TANAMAN/LADANG/TAMAN/HUTAN DAN LADANG HUTAN** serta masih dibenarkan menyertai sebut harga pada masa ini.
2. Taklimat sebut harga akan diadakan secara hibrid (fizikal dan *video conferencing*) pada **10 MAC 2025 (ISNIN), JAM 10.00 PAGI** di Bilik Mesyuarat Dahlia, Blok D, Aras 5, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya. Sila klik pautan Video call link: <https://meet.google.com/oyg-mhyb-fjj> bagi menghadiri sesi taklimat secara *video conferencing*. Kehadiran Kontraktor / Syarikat bagi taklimat dan lawatan tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN**. Maklumat lanjut berkaitan sebut harga berkenaan sila klik pada pautan Portal Perbadanan Putrajaya <https://www.ppj.gov.my/second-page/sebut-harga>
3. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli bermula **13 MAC 2025 (KHAMIS)** hingga **19 MAC 2025 (RABU)** dengan bayaran **RM10.00** secara atas talian (online) melalui laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>.
4. Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada **Kaunter Perolehan Perbadanan Putrajaya, Aras 3, Bangunan Annexe, Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya** sebelum jam **12.00 TENGAH HARI** pada **27 MAC 2025 (KHAMIS)**.
5. Penyerahan dokumen kepada Perbadanan Putrajaya turut dibenarkan untuk dilaksanakan melalui perkhidmatan kiriman pos berdaftar/kurier dengan syarat-syarat seperti berikut:
  - i) Segala kos penghantaran ditanggung sepenuhnya oleh Penyebut Harga;
  - ii) Penyebut Harga hendaklah memastikan dokumen yang dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier tersebut selamat tiba pada alamat yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dipertimbangkan;
  - iii) Perbadanan Putrajaya tidak akan bertanggungjawab sekiranya dokumen yang dihantar rosak atau hilang; dan
  - iv) Sebarang tuntutan kerugian tidak akan dipertimbangkan.
6. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut berhubung notis sebut harga ini, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan, Perbadanan Putrajaya di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke alamat [spp@ppj.gov.my](mailto:spp@ppj.gov.my)
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppj.gov.my>, portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my> dan portal JPM <https://www.jpm.gov.my/ms/tender-sebutharga>.

**PERHATIAN:**

Kontraktor/Syarikat yang berminat untuk menyertai sebut harga ini dikehendaki berdaftar di dalam sistem COINS (Sistem Maklumat Pengurusan Kontrak) di laman web <https://perolehan.ppj.gov.my/dcoins/landingpage>. Hanya kontraktor yang **BERDAFTAR** di dalam **sistem COINS** sahaja dibolehkan untuk **membeli dokumen sebut harga**. Sila log masuk menggunakan log ID Pengguna dan kata laluan yang telah diberikan serta kemas kini dokumen berkaitan. (Kontraktor/Syarikat hanya dibenarkan mendaftar sekali sahaja).

Sebarang urusan/pertanyaan mengenai sistem COINS, sila kemukakan e-mel ke alamat [bantuan.coins@ppj.gov.my](mailto:bantuan.coins@ppj.gov.my).

Notis ini adalah cetakan komputer, tandatangan tidak diperlukan.